



SETEM POS
DI JELASKAN

PROGRESSIVE INSURANCE BHD (19002-P)

POLISI INSURANS PROGRESSIVE GPA PLUS

Bagaimana Insurans Anda Berfungsi

Kontrak Insurans Komersial

Polisi dikeluarkan sejajar dengan pembayaran dari premium yang ditentukan dalam Jadual Polisi dan menurut kepada kenyataan yang telah dikemukakan di dalam borang cadangan (atau semasa permohonan insurans ini) dan segala kenyataan yang telah dibuat oleh pihak anda pada atau semasa penyerahan borang cadangan (atau semasa permohonan insurans ini) dan pada masa perjanjian ini ditandatangani. Jawapan dan sebarang pernyataan lain yang anda berikan akan menjadi sebahagian daripada kontrak insurans antara anda dan pihak kami. Sekiranya terdapat sebarang salah nyata pada pra-kontrak berhubung dengan jawapan anda atau di mana-mana pernyataan yang diberikan oleh anda, ia mungkin mengakibatkan pembatalan kontrak insurans, keengganan atau pengurangan gantirugi, perubahan terma atau penamatan kontrak insurans anda.

Polisi ini bertindak atas terma-terma dan syarat-syarat kontrak insurans seperti yang telah dipersetujui antara anda dan pihak kami.

Kami bersetuju untuk mengganti rugi anda dalam cara dan hingga ke takat yang diterangkan di dalam Polisi dan di dalam Jadual, berkait dengan peristiwa yang terjadi sepanjang tempoh Insurans, atau mana-mana tempoh berikutnya yang anda membayar dan kami menerima premium yang dikehendaki.

Takrif Perkataan

Sesetengah perkataan ditakrifkan di bawah. Ia mempunyai makna yang sama apabila digunakan di dalam Polisi atau di dalam Jadual dan ditonjolkan di dalam Polisi dalam huruf tebal, contohnya, **Orang yang Diinsuranskan**, **Kecederaan** dll.

Kami

bermaksud Progressive Insurance Bhd.

Anda/Orang yang Diinsuranskan

bermaksud setiap orang yang diterangkan sebagaimana di dalam Jadual.

Pencadang

bermaksud orang atau perbadanan yang dinamakan sebagai Pemegang Polisi di dalam Jadual. Bagi maksud takrif ini, perkataan "Anda/Orang yang Diinsuranskan" hendaklah juga merujuk kepada Pencadang selagi ia dapat digunakan.

Kemalangan

bermaksud kejadian tiba-tiba, tidak diduga dan berlaku secara kebetulan

Kecederaan/Kecederaan Tubuh

bermaksud kecederaan yang dialami oleh anda yang betul-betul dan secara langsung disebabkan oleh kemalangan dan tidak termasuk kecederaan yang disebabkan oleh sakit, penyakit atau gangguan perubatan.

Faedah Sekali Gus

bermaksud jumlah keseluruhan Pampasan yang diinsuranskan bagi Kematian atau Ketidakupayaan, tetapi tidak termasuk mana-mana Faedah Mingguan.

Faedah Mingguan

bermaksud mana-mana Pampasan yang kena bayar pada suatu kadar seminggu.

Kemalangan Diri

Kami akan membayar anda bagi mana-mana kemalangan:

Pampasan bagi kematian atau ketidakupayaan (faedah) sebagaimana diterangkan di bawah jika **Orang yang Diinsuranskan** cedera dan dalam masa dua belas (12) bulan kalender dari tarikh kemalangan itu merupakan sebab sah kematian atau ketidakupayaan.

	Faedah	Pampasan
A.	Kematian akibat kemalangan	Jumlah Modal bagi Kematian yang ditetapkan di dalam Jadual
B.	Kehilangan Kekal atau Ketidakupayaan sebagaimana ditentukan di bawah	Jumlah yang sama dengan peratusan Jumlah Modal yang Diinsuranskan yang ditentukan di dalam Jadual. Peratusan yang kena bayar ditunjukkan di bawah bagi setiap faedah, tetapi tidak melebihi 100% bagi setiap Orang yang Diinsuranskan :
B1	Ketidakupayaan menyeluruh dan kekal kerana terlibat dalam atau melaksanakan pekerjaan apa-apa jenis pun.	100%
B2	Kehilangan menyeluruh dan kekal bagi semua penglihatan pada satu mata atau kedua-dua mata	100%

B3	Kehilangan menyeluruh kerana pemutusan fizikal atau kehilangan menyeluruh dan kekal bagi penggunaan: a. satu atau dua tangan dan kaki b. satu atau dua tangan c. lengan di atas siku d. lengan pada atau di bawah siku e. kaki di atas lutut f. kaki pada atau di bawah lutut	100% 100% 100% 100% 100% 100%	
B4	Hilang akal menyeluruh kekal	100%	
B5	Kehilangan menyeluruh dan kekal: a. penglihatan satu mata kecuali persepsi cahaya b. kanta satu mata	50% 50%	
B6	Kehilangan menyeluruh kerana pemutusan fizikal atau kehilangan menyeluruh dan kekal bagi penggunaan: a. ibu jari dan empat jari bagi satu tangan b. empat jari bagi satu tangan c. ibu jari (dua falanks) d. ibu jari (satu falanks) e. jari telunjuk (tiga falanks) f. jari telunjuk (dua falanks) g. jari telunjuk (satu falanks) h. jari hantu (tiga falanks) i. jari hantu (dua falanks) j. jari hantu (satu falanks) k. jari manis (tiga falanks) l. jari manis (dua falanks) m. jari manis (satu falanks) n. jari kelingking (tiga falanks) o. jari kelingking (dua falanks) p. jari kelingking (satu falanks) q. semua jari bagi satu kaki r. ibu jari (dua falanks) s. ibu jari (satu falanks) t. mana-mana jari kaki lain	70% 45% 25% 10% 15% 8% 4% 10% 4% 4% 2% 8% 4% 2% 6% 3% 2% 17% 5% 2% 3%	
B7.	Kehilangan menyeluruh dan kekal bagi: a. pendengaran dua telinga b. pendengaran satu telinga c. percakapan	75% 25% 60%	
B8.	Mana-mana ketidakupayaan separa kekal yang tidak dinyatakan di atas selain kehilangan deria rasa dan bau.	Peraturan sedemikian yang akan kami ditaksir yang menurut penasihat kami selaras dengan peraturan yang dinyatakan di atas dan tanpa mengambil kira pekerjaan Orang yang Diinsuranskan .	
C.	Ketidakupayaan Menyeluruh Sementara kerana terlibat dalam atau melaksanakan pekerjaan yang biasa.	Faedah Mingguan yang ditentukan di dalam Jadual	Bagi tempoh tidak melebihi 52 minggu daripada Faedah Pertama yang berlaku.
D.	Belanja Perubatan Fi perubatan, pembedahan, rumah jagaan dan kejururawatan atau caj ditanggung semestinya dalam masa 104 minggu dari berlakunya kecederaan, dengan syarat semua fi atau caj demikian ditanggung semestinya dan dengan munasabah untuk perkhidmatan professional daripada pengamal perubatan, doctor, doctor dedah atau jururawat, Doktor Cina/'Bonesetter' yang berkelayakan sepenuhnya dan berdaftar dan/atau hospital yang dipreskripsikan oleh pengamal perubatan, doctor atau doctor bedah sedemikian.	Pembayaran balik sehingga Jumlah Modal Diinsuranskan yang dinyatakan bagi Belanja Perubatan di dalam Jadual selain daripada rawatan oleh Doktor Cina/'Bonesetter' sekiranya amaun yang perlu dibayar tidak melebihi RM 200.00 berkaitan dengan mana-mana satu Kecederaan . Jumlah Diinsuranskan ini adalah had bagi mana-mana satu Tempoh Insurans.	
E.	Elaun Pengebumian sekiranya Faedah A (Kematian Akibat Kemalangan	Jumlah Modal Diinsuranskan yang ditentukan bagi Elaun Pengebumian.	
F.	Belanja Pembakaran Mayat dan/atau Penghantaran Pulang. Ditanggung semestinya dan sewajarnya oleh akaun beresit dari pengurus mayat pengangkut syarikat penerpangan sekiranya Faedah A (Kematian Akibat Kemalangan)	Pembayaran balik sehingga Jumlah Modal Diinsuranskan yang ditentukan bagi Pembakaran Mayat dan/atau Penghantaran Pulang bagi setiap Orang yang Diinsuranskan bagi kos ditanggung berkaitan dengan penghantaran mayat Orang yang Diinsuranskan dari mana-mana dalam dunia ke tempat kediamannya dalam Malaysia. Jumlah Diinsuranskan adalah had mana-mana satu tempoh Insurans.	
G.	Pendapatan Hospital Faedah harian bagi tempoh Orang yang Diinsuranskan ditahan di dalam hospital bagi rawatan Kecederaan bagi tempoh tidak melebihi 180 hari.	Pembayaran balik sehingga Jumlah Modal Diinsuranskan yang ditentukan di dalam Jadual dari tarikh permulaan Faedah ini berkaitan dengan mana-mana satu kecederaan bagi setiap Orang yang Diinsuranskan . Jumlah Diinsuranskan adalah had mana-mana satu tempoh insurans.	

H.	Pembedahan Pemulihan Gigi/Kosmetik Fi dan caj perubatan, pembedahan, rumah jagaan dan kejururawatan ditanggung semestinya dalam masa 52 minggu berlakunya kecederaan bagi pembedahan pemulihan gigi dan/ atau kepada leher, kepala atau dada (pusat ke atas), dengan syarat yang semua fi dan caj demikian ditanggung semestinya dan sewajarnya bagi perkhidmatan professional daripada pengamal perubatan, doctor, doctor bedah atau jururawat yang berkelayakan penuh dan berdaftar dan/atau di hospital yang dipreskripsikan oleh pengamal perubatan, doctor atau doctor bedah sedemikian.	Pembayaran balik sehingga Jumlah Diinsuranskan yang ditentukan di dalam Jadual bagi mana-mana satu Orang yang Diinsuranskan . Jumlah Diinsuranskan adalah had mana-mana satu tempoh Insurans.
I.	Fi Ambulans Ditanggung perlu dan munasabah bagi penggunaan kecemasan perkhidmatan ambulans sekiranya berlaku kemalangan .	Pembayaran balik sehingga Jumlah Diinsuranskan sebagaimana ditentukan di dalam Jadual . Jumlah Diinsuranskan adalah had mana-mana tempoh Insurans.
J.	Pembelian Peralatan Ortopedik Ditanggung perlu dan munasabah bagi pembelian kerusi roda, lengan atau kaki palsu dan tongkat ketiak sebagaimana disyorkan oleh doctor dan/atau doctor bedah yang menjaga sekiranya berlaku kemalangan .	Pembayaran balik sehingga Jumlah Modal Diinsuranskan sebagaimana ditentukan di dalam Jadual bagi mana-mana satu Orang yang Diinsuranskan . Jumlah Diinsuranskan adalah had mana-mana satu tempoh Insurans.

Had Pampasan berkait dengan mana-mana Orang yang Diinsuranskan

- Kami** tidak akan membayar bagi:
 - mana-mana **Kemalangan** spesifik di bawah Faedah B apabila bagi **Kemalangan** yang sama pampasan yang lebih besar dibayar bagi bahagian lain Faedah B yang termasuk Faedah yang spesifik itu.
 - Faedah A di samping mana-mana Faedah B jika disebabkan oleh **Kemalangan** yang sama, kecuali jika pembayaran telah dibuat di bawah mana-mana bahagian Faedah B dan kematian berlaku selepasnya yang hanya disebabkan oleh dan dalam masa 52 minggu **Kemalangan**, maka kami akan membayar mana-mana perbezaan jika pampasan kena bayar bagi Faedah A lebih besar daripada yang telah dibayar bagi Faedah B.
 - lebih daripada 100% Jumlah Modal bagi Faedah A atau Faedah B (mengikut mana-mana yang lebih besar) dalam satu-satu tempoh insurans dalam agregat bagi mana-mana atau semua faedah bagi mana-mana **Orang yang Diinsuranskan**.
 - Keputusan B1 sehingga satu tahun selepas terjadinya peristiwa.
 - Faedah B8 sehingga jumlah amaun pampasan telah ditentukan dan dipersetujui.
- Pampasan kena bayar bagi Faedah A dan B hendaklah dikurangkan oleh amaun mana-mana **FAEDAH MINGGUAN** yang telah pun dibayar di bawah Faedah C (ketidakupayaan menyeluruh sementara).
- Faedah Mingguan** tidak akan dibayar bagi mana-mana tempoh masa selepas kematian **Orang yang Diinsuranskan** dan selepas Pampasan menjadi kena bayar di bawah mana-mana bahagian Faedah B.
- Faedah Mingguan** bagi Faedah C hendaklah dibayar apabila jumlah amaun telah dipersetujui, atau mengikut permintaan **Orang yang Diinsuranskan** pada jarak waktu tidak kurang daripada empat minggu (tetapi tidak terlebih dahulu) bermula empat minggu selepas penerimaan notis bertulis oleh Syarikat tentang kecederaan berkenaan.
- Tiada yang akan dibayar berkait dengan Faedah D jika terdapat mana-mana insurans lain yang berkuat kuasa yang melindungi kerugian atau jika **Orang yang Diinsuranskan** berhak untuk menanggung rugi daripada mana-mana sumber lain, dengan syarat Syarikat tidak akan dilepaskan liabiliti di bawah Faedah ini berkait dengan mana-mana lebihan yang melebihi amaun kena bayar di bawah insurans atau indemniti sedemikian.

HAD PAMPASAN KESELURUHAN

Jika terdapat lebih daripada seorang **Orang yang Diinsuranskan** di bawah Polisi ini, liabiliti **agregat** maksimum kami berkait dengan semua **Orang yang Diinsuranskan** yang terbang dalam sebuah kapal terbang atau kenderaan pengangkutan darat atau kapal hendaklah tidak melebihi Had Konveyans yang dinyatakan dalam Jadual Polisi atau agregat amaun Pampasan yang kena bayar berkait dengan **Orang yang Diinsuranskan**, mengikut mana-mana yang kurang.

Sekiranya amaun agregat semua tuntutan bagi kecederaan **Orang yang Diinsuranskan** yang bergerak dalam satu konveyans melebihi Had Konveyans yang dinyatakan dalam Jadual Polisi, liabiliti Syarikat berkait dengan setiap **Orang yang Diinsuranskan** adalah berkadar dengan Faedah belum bayar berkait dengan **Orang yang Diinsuranskan** itu.

Peruntukan Khas

- Pendedahan**
Sekiranya **Orang yang Diinsuranskan** mengalami **Kemalangan** dan selepas itu sebagai akibat **Kemalangan** itu beliau mengalami kematian atau ketidakupayaan sebagai akibat pendedahan pada elemen itu, **Kami** akan mempertimbangkan kematian atau ketidakupayaan sedemikian sebagai disebabkan oleh **Kemalangan**.
- Kehilangan**
Kami akan mengandaikan kematian telah dialami oleh **Orang yang Diinsuranskan** sekiranya dia hilang selama dua belas bulan secara berterusan, dan bukti yang mencukupi diberi yang menyebabkan **Kami** membuat kesimpulan bahawa kematian itu disebabkan **Kemalangan**. Bagaimanapun, sekiranya pada bila-bila masa selepas pembayaran Pampasan bagi kematian sedemikian **Orang yang Diinsuranskan** itu didapati hidup, Pampasan sedemikian hendaklah dibayar balik kepada **Kami**.
- Mati Lemas**
Sekiranya **Orang yang Diinsuranskan** mengalami kematian atau ketidakupayaan akibat lemas atau sesak nafas kerana wasap, gas, atau asap beracun, **Kami** akan menganggap kematian atau ketidakupayaan sedemikian sebagai disebabkan oleh **Kemalangan**.

PENGECUALIAN AM

Kami tidak akan membayar pampasan bagi:

- Kemalangan**, kematian, kehilangan, kerosakan, kos atau perbelanjaan daripada apa-apa juga jenis secara langsung atau tidak langsung yang disebabkan oleh, akibat daripada atau sehubungan dengan mana-mana perkara yang berikut tanpa mengira peristiwa yang menyumbang secara serentak atau mana-mana urutan kepada kerugian itu.
 - sinaran ion daripada atau yang tercemar melalui keradioaktifan daripada mana-mana bahan api nuklear atau daripada mana-mana sisa nuklear atau daripada pembakaran bahan api nuklear.
 - radioaktif, toksik, bahan letupan atau bahan lain yang berbahaya dan tercemar daripada mana-mana binaan nuklear, reaktor atau pemasangan nuklear yang lain atau komponen nuklear.
 - mana-mana senjata atau peranti yang menggunakan pembelahan dan/atau pelakuran atom dan nuklear atau tindak balas lain yang serupa atau daya atau jirim radioaktif.

- (d) radioaktif, toksik, bahan letupan atau bahan lain yang berbahaya dan tercemar daripada mana-mana jirim radioaktif. Ketidaktetapan di dalam fasal kecil ini tidak meliputi isotop radioaktif, selain bahan api nuklear, apabila isotop sedemikian sedang disediakan, disimpan, atau digunakan bagi tujuan perdagangan, pertanian, perubatan, saintifik atau bagi tujuan aman yang lain yang sama.
2. **Kemalangan** disebabkan oleh:
- perang, serangan, tindakan musuh luar negara, permusuhan atau operasi yang menyamai operasi perang (sama ada perang diisytiharkan atau tidak)
 - perang saudara, dahagi, kerusuhan awam yang diandaikan serupa dengan atau sama dengan kebangkitan awam, kebangkitan tentera, pemberontakan, revolusi, konspirasi atau rampasan kuasa
 - undang-undang tentera atau keadaan pengepungan atau mana-mana peristiwa atau sebab yang menentukan perisytiharan atau pengekalan undang-undang tentera atau keadaan pengepungan
 - mana-mana tindakan orang yang bertindak bagi pihak atau yang berkaitan dengan mana-mana Organisasi yang aktivitiya diarahkan untuk menggulingkan, melalui paksaan, mana-mana Kerajaan de jure atau de facto atau dalam mempengaruhinya melalui keganasan atau pencurian, perampasan atau penjarahan berkaitan dengan mana-mana kejadian yang dinyatakan di atas.
3. **Kemalangan** yang disebabkan oleh **Orang yang Diinsuranskan** yang terlibat dalam:
- perjalanan udara kecuali sebagai penumpang dalam pesawat udara pembawa penumpang yang mempunyai lesen sepenuhnya.
 - mana-mana aktiviti perniagaan, teknikal atau sukan atau sebagai kru yang berkaitan dengan pesawat udara.
 - mana-mana perniagaan atau sebagai kru berkaitan dengan mana-mana kapal dan/atau sebagai pemunggah kargo.
 - mana-mana perkhidmatan polis, angkatan tentera, tentera laut atau tentera udara atau operasinya.
4. **Kemalangan** disebabkan oleh **Orang yang Diinsuranskan** yang terlibat dalam atau mengamalkan:
- aktiviti paracut
 - hang gliding
 - mana-mana jenis perlumbaan (selain berjalan atau berenang) atau ujian kelajuan atau reliabiliti
 - potholing, mendaki gunung atau rock climbing yang memerlukan penggunaan pemandu atau tali.
 - aktiviti di bawah air yang memerlukan penggunaan udara atau gas termampat.
5. **Kemalangan** disebabkan oleh:
- bunuh diri, mencederakan diri atau pendedahan sengaja kepada bahaya (selain usaha untuk menyelamatkan nyawa manusia).
 - kehamilan atau melahirkan anak
 - hilang akal
 - mana-mana kecacatan fizikal atau mental atau kelemahan yang terjadi sebelumnya.
 - Orang yang Diinsuranskan** berada di bawah pengaruh dadah (selain dadah yang dipreskripsikan oleh Pengamal Perubatan berdaftar tetapi tidak jika dipreskripsikan bagi rawatan penagihan dadah).
 - Orang yang Diinsuranskan** berada di bawah pengaruh alkohol, kecuali dapat ditentukan dengan memuaskan dan munasabah oleh mana-mana pihak menuntut bahawa alkohol bukanlah faktor yang menyumbang kepada kejadian **Kemalangan**.

Sekiranya **Kami** mendapati bahawa melalui alasan Kekecualian Umum ini mana-mana tuntutan tidak dilindungi oleh insurans ini, maka beban membuktikan bahawa tuntutan itu dilindungi akan terletak pada diri anda.

SYARAT AM

Syarat yang terdapat di dalam Polisi atau di dalam Endorsmen adalah sebahagian daripada kontrak dan mestilah dipatuhi. Ia merupakan syarat duluan kepada hak bagi mendapat pembayaran daripada kami.

- Kewajipan Pendedahan**
Apabila **Anda** telah memohon insurans ini sepenuhnya untuk tujuan yang berkaitan dengan perdagangan, perniagaan atau profesion **Anda**, **Anda** mempunyai kewajipan untuk mendedahkan apa-apa perkara yang **Anda** tahu yang akan mempengaruhi keputusan **Kami** dalam menerima risiko dan menentukan kadar dan terma yang dikenakan dan apa-apa perkara yang munasabah yang boleh dijangka, jika tidak ia boleh mengakibatkan pembatalan kontrak insurans, keengganan atau pengurangan gantirugi, perubahan terma atau penamatan kontrak insurans **Anda**.
Anda juga mempunyai kewajipan untuk memberitahu **Kami** dengan serta-merta jika pada bila-bila masa selepas kontrak insurans **Anda** ditandatangani, diubah atau diperbaharui dengan **Kami**, apa-apa maklumat yang diberikan di dalam Borang Cadangan (atau semasa permohonan insurans ini) tidak tepat atau telah berubah.
- Anda** mesti memberitahu **Kami** secara bertulis sebaik sahaja anda mengetahui mana-mana perubahan dalam pekerjaan, tanggungjawab atau usaha mana-mana **Orang yang Diinsuranskan**, atau mana-mana perubahan lain yang mungkin meningkatkan kemungkinan tuntutan di bawah Polisi ini. **Anda** mungkin dikehendaki untuk membayar premium tambahan akibat mana-mana perubahan sedemikian.
- Kami** tidak akan mengiktiraf atau dipengaruhi oleh mana-mana notis amanah, caj atau penyerahhakan yang berkaitan dengan Seksyen ini, dan penerimaan **Anda** atau wakil peribadi sah **Anda** atau mana-mana orang yang kepadanya mana-mana faedah dinyatakan untuk dibayar, hendaklah dalam semua kes melepaskan liabiliti **Kami**.
- Tempoh kuatkuasa insurans ini ada dinyatakan di dalam Jadual. Polisi ini boleh ditamatkan pada bila-bila masa di atas permintaan **Orang yang Diinsuranskan**. Walau bagaimanapun di dalam kes sedemikian, **Kami** akan melaksanakan amalan biasa iaitu mengenakan tempoh perlindungan yang singkat untuk jangkamasa polisi tersebut berkuatkuasa. Insurans ini juga boleh ditamatkan atas pilihan **Kami** dengan cara menghantar notis 14 hari kepada **Orang yang Diinsuranskan** melalui surat berdaftar ke alamat terakhir **Orang yang Diinsuranskan**, dan di dalam kes sedemikian, **Kami** akan bertanggungjawab untuk bayar balik, jika sekiranya diminta untuk berbuat demikian, premium untuk tempoh masa perlindungan yang belum luput. Jumlah premium yang akan dibayar balik kepada **Orang yang Diinsuranskan**, jika sekiranya polisi ditamatkan, adalah tertakluk kepada pembayaran premium minima yang akan dikenakan.
- Terma, kekecualian dan syarat Polisi ini, selagi ia berkaitan dan dengan ubahsuaian yang perlu, adalah tertera kepada wakil peribadi undang-undang **Orang yang Diinsuranskan**.
- Umur kelayakan bagi orang dewasa ialah minimum 16 tahun atau maksimum 64 tahun pada masa kemasukan. Di dalam kes-kes pembaharuan polisi yang telah dibeli sebelum **Orang yang Diinsuranskan** mencapai umur tujuh puluh tahun (70).
- Anda** hendaklah memberi notis kepada **Kami** tentang mana-mana insurans yang telah berkuatkuasa yang meliputi mana-mana Faedah, dan melainkannya dengan notis sedemikian diberi dan butiran insurans sedemikian dinyatakan di dalam atau diendorseskan di dalam Polisi ini oleh atau bagi pihak **Kami** sebelum kejadian mana-mana kemalangan, semua faedah di bawah Polisi ini berkaitan dengan **Kemalangan** adalah terhapus.

8. Sekiranya Faedah dinyatakan sebagai perkadaran gaji atau upah tahunan:
- Anda** hendaklah mengisytiharkan bilangan Pekerja (dinamai sebagai **Orang yang Diinsuranskan** di dalam **Jadual**) yang terlibat dalam setiap Usaha atau Pekerjaan (kecuali yang lain yang ditetapkan oleh atau **Kami** persetujuan) pada tarikh permulaan Polisi ini dan **Anda** hendaklah memberi notis bertulis kepada **Kami** tentang apa-apa perubahan dalam butiran ini tanpa kelewatan yang tidak sepatutnya dan dalam apa-apa keadaan dalam masa dua minggu berlakunya perubahan sedemikian.
 - Premium pertama dan semua premium pembaharuan yang diterima akan diselaraskan oleh amaun upah dan gaji dan perolehan lain yang dibayar oleh anda kepada pekerja sepanjang setiap tempoh insurans. Nama setiap pekerja berkenaan berserta amaun upah, gaji dan perolehan lain hendaklah benar-benar direkodkan dalam buku upah yang betul. **Anda** hendaklah pada setiap masa membenarkan **Kami** memeriksa buku sedemikian dan hendaklah membekalkan kami akaun yang betul tentang upah, gaji dan perolehan lain yang dibayar pada mana-mana tempoh insurans dalam masa satu bulan dari tarikh tamat tempoh insurans sedemikian.

SYARAT TUNTUTAN

Pembayaran tuntutan di bawah Polisi ini adalah bergantung pada pemerhatian terhadap termannya oleh **Anda**, dan selagi yang berkaitan, oleh **Orang yang Diinsuranskan** atau mana-mana pihak menuntut yang lain.

- Anda** mesti membuat laporan bertulis kepada **Kami** secepat yang boleh tentang perincian penuh mana-mana **Kemalangan** yang mungkin menghasilkan tuntutan di bawah Polisi ini.
- Anda** atau **Orang yang Diinsuranskan** hendaklah menggunakan perkhidmatan pengamal perubatan berdaftar dan **Orang yang Diinsuranskan** hendaklah menjalani mana-mana rawatan yang dianggap perlu oleh pengamal sedemikian.
- Semua sijil, maklumat dan bukti mestilah disediakan atas perbelanjaan **Anda** atau atas perbelanjaan mana-mana pihak menuntut dalam bentuk dan ciri yang diperlukan.
- Orang yang Diinsuranskan** mungkin terpaksa menjalani pemeriksaan perubatan lanjut dan atas perbelanjaan **Kami**.
- Sekiranya berlaku kematian pada **Orang yang Diinsuranskan** kami perlu melihat sijil kematian dan menghendaki pemeriksaan post-mortem atas perbelanjaan kami.
- Anda** dan mana-mana orang yang bertindak bagi pihak anda hendaklah tidak membuat apa-apa tuntutan tipu, palsu atau ditokoh tambah, dan jika berlaku **Kami** tidak akan bertanggungjawab untuk membuat pembayaran di bawah Polisi ini.
- Sekiranya anda menerima tuntutan tetapi amaun yang dibayar dipertikaikan, hal berkenaan akan dirujuk kepada penimbang tara bebas yang diterima oleh pihak-pihak yang terlibat. Sekiranya mana-mana pertikaian melalui Syarat ini dirujuk kepada penimbang tara, pembuatan award hendaklah menjadi syarat duluan kepada mana-mana hak tindakan terhadap **Kami**.
- Sekiranya **Kami** menawarkan amaun penyelesaian atau liabiliti nafian bersama-sama bagi sesuatu tuntutan, dan tuntutan sedemikian bukan dalam tempoh dua belas bulan kalender dari tarikh tawaran atau penafian sedemikian yang dirujuk kepada timbang tara sebagaimana dikehendaki di bawah Syarat 7 atau dibuat tertakluk kepada keputusan Mahkamah, tuntutan itu hendaklah dianggap dihentikan dan Syarikat tidak mempunyai liabiliti berkait dengannya.

FASAL/PENGENDORSAN/WARANTI SEPERTI BERIKUT INI ADALAH DIGUNA PAKAI PADA POLISI

FASAL TAMBAHAN DAN PEMOTONGAN AUTOMATIK

Adalah dengan ini diisytiharkan dan dipersetujui bahawa tambahan bagi **Orang yang Diinsuranskan** akan secara automatik dilindungi di bawah Polisi ini hingga ke had yang ditetapkan di dalam **Jadual** dengan syarat notis setiap tambahan dimaklumkan oleh anda dalam masa 14 hari dari tarikh permulaan Polisi ini sekiranya guna tenaga dan premium yang sewajarnya dibayar.

Pemotongan nama **Orang yang Diinsuranskan** akan juga berkuat kuasa dari tarikh penamatan guna tenaga mereka.

Tertakluk sebaliknya kepada terma, syarat dan pengecualian polisi ini.

KLAUSA SYARAT TERDAHULU

Kesahihan polisi ini adalah tertakluk kepada syarat-syarat terdahulu iaitu:

- Penama yang dinamakan di dalam risiko yang diinsuranskan tidak pernah mempunyai sebarang perlindungan insurans yang telah diberhentikan dalam tempoh 12 bulan sebelumnya atas sebab, samada sepenuhnya atau pun sebaliknya, pelanggaran sebarang syarat waranti premium.
- Jika penama yang diinsuranskan telah membuat pengisytiharan bahawa ia telah melanggar mana-mana peraturan waranti premium di dalam polisi insurans terdahulu yang dikeluarkan oleh syarikat insurans yang lain di dalam tempoh 12 bulan:
 - Orang yang telah diinsuranskan telah melunaskan sepenuhnya bayaran premium yang tertunggak untuk tempoh risiko yang ditentukan oleh syarikat insurans yang lalu yang mana pengiraannya adalah berdasarkan pengiraan jangkamasa pendek seperti amalan biasa ke atas polisi tersebut.
 - Salinan bukti pembayaran premium dari pihak syarikat insurans yang lalu yang mengesahkan pembayaran sedemikian hendaklah dikemukakan oleh **Orang yang Diinsuranskan** kepada pihak syarikat insurans sebelum perlindungan diberikan.

Tertakluk sebaliknya kepada terma, syarat dan pengecualian polisi ini.

PENGENDORSAN SOKONGAN PEMULIHAN DENGGI – (HAD – RM1,000.00)

Polisi ini boleh dilanjutkan untuk melindungi **Orang yang Diinsuranskan** sekiranya dia dimasukkan ke hospital akibat demam denggi dan Syarikat akan membayar jumlah pampasan yang ditetapkan di dalam **Jadual**.

Syarat kemasukan ke hospital itu atas keperluan doktor yang merawat, pakar perubatan atau pakar bedah. Semua tuntutan mestilah dibuktikan dan disokong oleh laporan perubatan dan bukti kemasukan ke hospital.

Tertakluk sebaliknya kepada terma, syarat dan pengecualian polisi ini.

FASAL PENGECEUALIAN ELEKTRONIK TARIKH PENGIKTIRAFAN

Ia adalah bersetuju polisi ini adalah dipinda seperti berikut:

- Syarikat tidak akan membayar untuk sebarang kehilangan atau kerosakan, termasuk kehilangan penggunaan, dengan atau tanpa kerosakan fizikal, **Kecederaan** (termasuk kecederaan badan), perbelanjaan yang ditanggung atau sebarang kerugian berbangkit yang secara langsung atau tidak langsung disebabkan oleh, merangkumi, atau timbul daripada kegagalan atau ketidakupayaan mana-mana komputer, peralatan pemrosesan data, media mikrocip, sistem operasi, mikroprosesor (cip komputer), litar bersepadu atau alat yang serupa, atau mana-mana perisian komputer, sama ada harta pihak diinsuranskan atau tidak, dan sama ada berlaku sebelum, semasa atau selepas tahun 2000 akibat dari kegagalan atau ketidakupayaan apa-apa peranti dan/atau perisian seperti disenaraikan di atas untuk :-
 - mengenalpasti dengan betul mana-mana tarikh sebagai tarikh kalender benar ianya
 - menangkap, menyimpan, atau mengekalkan, dan/atau dengan betul memanipulasi, mentafsir atau memproses mana-mana data atau maklumat atau perintah atau arahan akibat melayan mana-mana tarikh selain daripada sebagai tarikh kalender sebenar ianya; dan/atau
 - menangkap, simpan, mengekalkan atau memproses dengan betul mana-mana tarikh sebagai akibat daripada operasi mana-mana perintah yang telah diaturcarakan ke dalam sebarang perisian komputer, sebagai perintah yang menyebabkan kehilangan data atau ketidakupayaan untuk merakam, menyimpan retain atau memproses dengan betul data tersebut pada atau selepas sebarang tarikh.

- B. Adalah selanjutnya difahamkan bahawa Syarikat tidak akan membayar untuk pembaikan atau pengubahsuaian mana-mana bahagian mana-mana sistem memproses data elektronik atau mana-mana bahagian apa-apa peranti dan/atau perisian seperti yang disenaraikan di atas dalam A.
- C. Adalah selanjutnya difahamkan bahawa Syarikat tidak akan membayar untuk sebarang kehilangan atau kerosakan, termasuk kehilangan penggunaan, dengan atau tanpa kerosakan fizikal, kecederaan (termasuk kecederaan tubuh) perbelanjaan yang ditanggung atau sebarang kerugian berbangkit yang secara langsung atau tidak langsung yang timbul daripada apa-apa nasihat, perundingan, Reka bentuk, penilaian, pemeriksaan, pemasangan, penyelenggaraan, pembaikan atau penyediaan yang dilakukan oleh pihak diinsuranskan atau untuk Pihak Diinsuranskan atau oleh atau lain-lain untuk menentukan, membetulkan atau menguji, apa-apa kegagalan potensi atau sebenar, pincang tugas atau seterusnya seperti yang dinyatakan dalam A di atas.
- D. Adalah selanjutnya difahamkan bahawa Syarikat tidak akan membayar apa-apa kerugian tuntutan akibat daripada apa-apa ketidakupayaan berterusan komputer tersebut dan alat seperti yang dinyatakan dalam A di atas untuk mengenalpasti dengan betul mana-mana tarikh sebagai tarikh kalendar benar ianya selepas harta yang hilang atau rosak telah digantikan atau diperbaiki.

Kerugian atau kerosakan, **Kecederaan** (termasuk **Kecederaan Tubuh**), perbelanjaan yang ditanggung atau sebarang kerugian berbangkit yang dirujuk dalam A, B, C atau D di atas, adalah dikecualikan tanpa mengambil kira apa-apa sebab lain yang menyumbang secara serentak atau dalam sebarang turutan lain dalam yang sama.

Tertakluk sebaliknya kepada terma, syarat dan pengecualian polisi ini.

PENGENDORSAN PENERBANGAN ATAS PESAWAT/HELIKOPTER YANG TIDAK BERJADUAL

Polisi ini boleh dilanjutkan untuk melindungi **Orang yang Diinsuranskan** semasa perjalanan sebagai penumpang dalam operasi pesawat untuk perkhidmatan tidak berjadual atau pesawat enjin tunggal yang bertauliah termasuk helikopter dengan syarat bahawa pesawat dan/atau helikopter tersebut dilesenkan untuk membawa penumpang dan dikendalikan oleh juruterbang yang berkelayakan.

Tertakluk sebaliknya kepada terma, syarat dan pengecualian polisi ini.

FASAL MAKANAN DAN MINUMAN

Polisi ini boleh dilanjutkan untuk melindungi kematian atau **Kecederaan Tubuh** yang dialami oleh **Orang yang Diinsuranskan** akibat kemalangan keracunan makanan dan minuman.

Tertakluk sebaliknya kepada terma, syarat dan pengecualian polisi ini.

PENGENDORSAN MEMBURU

Polisi ini boleh dilanjutkan untuk melindungi **Orang yang Diinsuranskan** sahaja, sementara yang terlibat dalam memburu, diberikan kelulusan/permit/lesen untuk memiliki dan menggunakan senjata api untuk tujuan memburu sahaja.

Tertakluk sebaliknya kepada terma, syarat dan pengecualian polisi ini.

PENGENDORSAN GIGITAN SERANGGA, ULAR, BINATANG PEROSAK, HAIWAN

Polisi ini boleh dilanjutkan untuk melindungi kematian dan **Kecederaan Tubuh** (tidak termasuk penyakit-penyakit yang dialami) kepada **Orang yang Diinsuranskan** akibat gigitan serangga berbahaya, ular, binatang perosak, haiwan.

Tertakluk sebaliknya kepada terma, syarat dan pengecualian polisi ini.

PENGENDORSAN PENCULIKAN

Polisi ini boleh dilanjutkan untuk melindungi kematian dan **Kecederaan Tubuh** kepada **Orang yang Diinsuranskan** akibat penculikan.

Tertakluk sebaliknya kepada terma, syarat dan pengecualian polisi ini.

FASAL PEMBERITAHUAN KEHILANGAN (60 HARI)

Polisi ini tidak akan dijejaskan oleh mana-mana berkaitan kelewatan yang tidak disengajakan, kesilapan atau peninggalan dalam memberitahu Syarikat mana-mana keadaan atau peristiwa-peristiwa yang menimbulkan atau mungkin menimbulkan tuntutan di bawah.

Polisi ini dengan syarat notis diberi kepada Syarikat sebaik sahaja kejadian tersebut datang kepada pengetahuan **Orang yang Diinsuranskan** tetapi tidak lewat daripada 60 hari dari tarikh kejadian.

Tertakluk sebaliknya kepada terma, syarat dan pengecualian polisi ini.

FASAL PENUNGGANGAN MOTOR

Polisi ini boleh dilanjutkan untuk melindungi **Orang yang Diinsuranskan** yang terlibat di dalam penunggangan motor sebagai seorang pemandu atau penunggang dengan untuk tujuan peribadi atau perniagaan dengan syarat bahawa Syarikat tidak akan bertanggungjawab untuk membuat apa-apa bayaran berkenaan dengan kematian atau **Kecederaan** yang timbul daripada atau disebabkan oleh **Orang yang Diinsuranskan** melibatkan diri dalam perlumbaan, pertandingan membuat kadar kelajuan, realibiliti atau ujian lain.

Ia adalah syarat duluan kepada liabiliti **Orang yang Diinsuranskan** yang memakai topi keledar kemalangan dari jenis yang diluluskan semasa penunggangan.

Tertakluk sebaliknya kepada terma, syarat dan pengecualian polisi ini.

FASAL PENGECEUALIAN PENGGANASAN NUKLEAR, KIMIA, BIOLOGI

Walaupun terdapat apa-apa peruntukan yang bertentangan dalam insurans ini atau apa-apa pengendorsan ke atasnya adalah dipersetujui bahawa insurans ini mengecualikan sebarang kerugian secara langsung atau secara tidak langsung yang timbul dari, disumbangkan oleh atau disebabkan oleh atau akibat daripada atau berhubung dengan mana-mana tindakan pengganasan nuklear, kimia, biologi (sebagaimana ditakrifkan di bawah) tanpa mengambil kira mana-mana sebab atau peristiwa yang menyumbang serentak atau dalam sebarang urutan lain kepada kerugian tersebut.

Bagi tujuan pengendorsan ini:

"Penganasan nuklear, kimia, biologi" hendaklah bermakna penggunaan mana-mana senjata atau alat nuklear atau pancaran, lelehan, penyebaran, pengeluaran atau pelepasan mana-mana agen kimia dan/atau agen biologi pepejal, cecair atau bergas sepanjang tempoh insurans ini oleh seseorang atau kumpulan orang, sama ada bertindak berseorangan atau bagi pihak atau berhubung dengan mana-mana organisasi atau kerajaan, dilakukan bagi tujuan atau sebab politik, agama atau ideology termasuk niat untuk mempengaruhi mana-mana kerajaan dan/atau meletakkan orang awam atau mana-mana bahagian orang awam dalam ketakutan.

Agensi "Kimia" hendaklah bermakna sebarang sebatian yang bila disebarkan dengan sesuai menghasilkan kesan melemahkan, merosakkan atau membawa maut ke atas orang, binatang, tumbuh-tumbuhan atau harta benda.

Agensi "Biologi" hendaklah bermakna mana-mana organisma mikro patogen (menghasilkan penyakit) dan/atau toksin yang dihasilkan secara biologi (termasuk organisma yang diubah suai secara genetic dan toksin yang disintesis secara proses kimia) yang menyebabkan keuzuran dan/atau kematian manusia, binatang atau tumbuh-tumbuhan.

Jika kami mendakwa bahawa oleh sebab pengecualian ini mana-mana kerugian tidak dilindungi oleh insurans ini beban membuktikan sebaliknya hendaklah terletak pada **Orang yang Diinsuranskan**.

Tertakluk sebaliknya kepada terma, syarat dan pengecualian polisi ini.

FASAL PEMBAYARAN AKAUN

Adalah difahami dan dipersetujui bahawa sekiranya berlaku kerugian di bawah insurans ini Syarikat akan membuat pembayaran atas akaun bagi kerugian tersebut kepada **Orang yang Diinsuranskan** jika diingini.

Tertakluk sebaliknya kepada terma, syarat dan pengecualian polisi ini.

PENGENDORSAN TRAUMA ROGOL – (HAD – RM1,000.00)

Sekiranya **Orang yang Diinsuranskan** dirogol semasa polisi in berkuatkuasa, Syarikat akan membayar jumlah pampasan seperti yang dinyatakan di dalam Jadual bagi trauma rogol.

Dengan syarat bahawa **Orang yang Diinsuranskan** mengemukakan laporan polis dan laporan perubatan kepada Syarikat.

Tertakluk sebaliknya kepada terma, syarat dan pengecualian polisi ini.

PENGENDORSAN RUKUN TETANGGA

Polisi ini diperluaskan bagi memasukkan kematian atau **Kecederaan Tubuh** kepada **Orang yang Diinsuranskan** akibat kemalangan semasa rondaan Rukun Tetangga.

Tertakluk sebaliknya kepada terma, syarat dan pengecualian polisi ini.

PENGENDORSAN PAMPASAN KECURIAN RAGUT - (HAD - RM300.00)

Sekiranya **Orang yang Diinsuranskan** mangsa daripada kecurian ragut, Syarikat akan membayar jumlah pampasan yang ditetapkan di dalam Jadual bagi kecurian ragut.

Dengan syarat bahawa kejadian tersebut dilaporkan kepada polis dan apa-apa tuntutan mestilah disertakan dengan dokumentasi bertulis yang dikeluarkan oleh pihak berkuasa polis.

Tertakluk sebaliknya kepada terma, syarat dan pengecualian polisi ini.

PENGENDORSAN PEMBUNUHAN TANPA PROVOKASI, SERANGAN ATAU MANA-MANA PERCUBAAN ANCAMAN

Polisi ini boleh dilanjutkan untuk melindungi kematian atau **Kecederaan Tubuh** kepada **Orang yang Diinsuranskan** akibat pembunuhan atau serangan atau sebarang ancaman perbuatan yang tidak termasuk kematian atau **Kecederaan Tubuh** yang dialami di mana **Orang yang Diinsuranskan** melakukan atau bertujuan melakukan perbuatan sedemikian di dalamnya.

Tertakluk sebaliknya kepada terma, syarat dan pengecualian polisi ini.

WARANTI-WARANTI, FASAL-FASAL, PENGENDORSAN-PENGENDORSAN SEPERTI BERIKUT INI TIDAK TERTAKLUK KECUALI JIKA DINYATAKAN DALAM JADUAL POLISI ATAU PENGENDORSAN DIBUAT KEATASNYA

WARANTI PREMIUM

Adalah syarat khas asas dan mutlak kontrak insurans ini bahawa premium yang perlu dibayar mesti dibayar dan diterima oleh Syarikat dalam masa enam puluh (60) hari dari tarikh permulaan polisi/endorsan/sijil pembaharuan ini.

Jika syarat ini tidak dipatuhi maka kontrak ini dibatalkan secara automatik dan Syarikat hendaklah berhak kepada premium pro rata bagi tempoh yang mereka telah menanggung risiko.

Jika premium yang kena dibayar menurut waranti ini diterima oleh ejen Syarikat yang diberi kuasa, pembayaran hendaklah dianggap diterima oleh Syarikat bagi tujuan waranti ini dan beban membuktikan bahawa premium yang kena dibayar diterima oleh seseorang termasuk ejen insurans yang tidak dibenarkan menerima premium demikian hendaklah terletak pada Syarikat.

Tertakluk sebaliknya kepada terma, syarat dan pengecualian polisi ini.

PENTING – Orang yang Diinsuranskan diminta membaca Polisi ini. Sekiranya terdapat mana-mana ralat dan salah gambaran, Polisi hendaklah dikembalikan kepada pejabat pengeluar bagi pembedulan.

DISCLOSURE & POLICY STATEMENT KETERANGAN & KENYATAAN POLISI

1. Under the prudential framework of Corporate Governance the following avenues have been set up to handle customer grievances:-
Di bawah rangka kewaspadaan Kawalan Korporat, cara-cara berikut telah disediakan kepada sesiapa yang ingin membuat aduan:-

- a) The Customer Care Officer of Progressive Insurance Berhad (19002-P) ("Company") at tel: 603 2118 8000 or fax: 603 2118 8103. At branch level, complaints can be received by the respective Branch Managers who will direct it to the Customer Care Officer.
Pegawai Khidmat Pelanggan Progressive Insurance Berhad (19002-P) ("Syarikat") di tel: 603 2118 8000 atau faks: 603 2118 8103. Bagi bahagian cawangan, segala aduan boleh ditunjukkan kepada Pengurus Cawangan yang akan memanjangkan kepada Pegawai Khidmat Pelanggan.
- b) The Financial Mediation Bureau (FMB) at tel: 03-2272 2811 or fax: 03-2272 1577
Any policyholder who is not satisfied with the decision of an insurance company may write to the FMB, giving details of the dispute, the name of the insurance company and the policy number. Copies of the correspondence between the policyholder and the insurance company must be submitted to facilitate FMB's reference.
*Biro Pengantaraan Kewangan (BPK) di tel: 03-2272 2811 atau faks: 03-2272 1577
Pemegang polisi yang tidak berpuas hati dengan keputusan sesebuah syarikat insurans boleh menulis surat aduan kepada BPK dengan butir-butir pertikaian, nama syarikat insurans dan nombor polisi. Salinan surat antara pemegang polisi dan pihak syarikat insurans perlu diserahkan kepada BPK untuk rujukan.*

An award of the FMB is binding on the Company. The policyholder can choose to accept or not. Acceptance is acknowledged only if it is in writing within 14 days of the decision. The Company shall settle the award within 30 days of policyholder's acceptance. But if the policyholder is not satisfied, he can reject the FMB's decision and pursue an alternative legal recourse instead. There is no fee charged for service of the FMB.
Pihak Syarikat adalah terikat kepada keputusan BPK. Pemegang polisi boleh memilih sama ada bersetuju atau tidak. Persetujuan hanya diterima secara bertulis dalam tempoh 14 hari. Pihak Syarikat akan menyelesaikan tuntutan dalam tempoh 30 hari dari persetujuan pemegang polisi. Sekiranya pemegang polisi tidak berpuas hati dengan keputusan BPK, beliau boleh memilih untuk mengambil tindakan alternatif undang-undang. Tidak ada yuran bayaran yang dicaj untuk perkhidmatan BPK.

The address is / *Alamat ialah:-* **Biro Pengantaraan Kewangan**
Tingkat 14, Blok Utama
Dataran Kewangan Darul Takaful
No. 4 Jalan Sultan Sulaiman
50000 Kuala Lumpur

- c) Laman Informasi Nasihat dan Khidmat of Bank Negara Malaysia (BNM) at tel: 1-300-88-5465 (1300-88-LINK) or fax: 03-2174 1515.
Any policyholder who is not satisfied with the conduct of an insurance company may write to the Corporate Communication Department of BNM, giving details of the complaint, the name of the insurance company and the policy number or the claim number. Documentary support should be provided to facilitate reference.
*Laman Informasi Nasihat dan Khidmat di Bank Negara Malaysia (BNM) di tel: 1-300-88-5465 (1300-88-LINK) atau faks: 03-2174 1515.
Pemegang polisi yang tidak puas hati dengan bimbingan pihak syarikat insurans boleh membuat aduan kepada Jabatan Komunikasi Korporat di BNM dengan butir-butir pertikaian, nama pihak syarikat insurans dan nombor polisi atau nombor tuntutan. Sokongan dokumen perlu diserahkan untuk rujukan.*

The address is / *Alamat ialah:-* **Pengarah**
Laman Informasi Nasihat dan Khidmat (LINK)
Tingkat Bawah, Blok C
Bank Negara Malaysia
Peti Surat 10922
50929 Kuala Lumpur

2. By virtue of the Anti-Money Laundering & Anti-Terrorism Financing Act 2001, any 'Suspicious Transaction' as classified by the law is required to be reported to the Competent Authority at Bank Negara Malaysia.
Bersandarkan Akta Pencegahan Pengubahan Wang Haram & Pencegahan Pembiayaan Keganasan 2001, sebarang 'Transaksi yang Mencurigakan' seperti yang termaktub di bawah undang-undang hendaklah dilaporkan kepada pihak berkuasa yang berkenaan di Bank Negara Malaysia.

3. For all intents and purposes where there is a conflict or ambiguity as to the meaning in the English provisions or the Bahasa Malaysia provisions of any part of the contract, it is hereby agreed that the English version of the contract prevails.
Boleh dikatakan di mana terdapat konflik atau keaburan berkenaan makna dalam peruntukan Bahasa Inggeris atau peruntukan Bahasa Malaysia tentang mana-mana bahagian kontrak, adalah dipersetujui bahawa versi kontrak Bahasa Inggeris akan mengatasi dan diikuti.

4. **CONSENT TO USE OF PERSONAL DATA** : Any personal information collected or held by the Company (whether contained in this application or otherwise obtained) is provided to the Company and may be held, used and disclosed by the Company to individuals, service providers and organizations associated with the Company or any other selected third parties (within or outside of Malaysia, including reinsurance and claims investigation companies and industry associations) for the purpose of storing and processing this application and providing subsequent service(s) for this purpose, the Company's financial products and services and data matching, surveys and to communicate with me/us for such purposes. I/We understand that I/We have the right to obtain access to and to request correction of any personal information held by the Company concerning me/us. Such request can be made by writing to the Company at Data Protection Officer, Progressive Insurance Bhd, Level 6,9 and 10, Menara BGI, Plaza Berjaya 12, Jalan Imbi, 55100 Kuala Lumpur or phone : 603-21188000, fax : 603 21188103 or email : pda@progressiveinsurance.com.my

By submitting your personal information, you are indicating your consent to allow the Company to keep you posted on the Company's latest products, services and upcoming events. If you do not wish to be contacted by the Company, you can opt out anytime by writing to the Company as above.

KEBENARAN UNTUK MENGGUNAKAN MAKLUMAT PERIBADI : *Mana-mana maklumat peribadi yang dikumpulkan atau dipegang oleh pihak Syarikat (sama ada terkandung dalam permohonan ini atau diperolehi dengan cara lain) yang diberikan kepada pihak Syarikat dan boleh dipegang, digunakan dan didedahkan oleh pihak Syarikat kepada individu, badan atau organisasi yang menyediakan perkhidmatan, organisasi yang berkaitan dengan Syarikat atau mana-mana pihak ketiga yang dipilih (dalam atau luar Malaysia, termasuk syarikat-syarikat reinsurans dan penyasatan tuntutan dan persatuan/perbadanan industri) bagi tujuan menyimpan dan memproses permohonan ini dan memberikan perkhidmatan seterusnya untuk produk dan perkhidmatan kewangan Syarikat dan pepadanan data, soal selidik dan untuk berkomunikasi dengan saya/kami untuk tujuan seperti itu. Saya/ Kami faham bahawa saya/kami berhak memperoleh akses kepada, dan membuat pembetulan kepada apa-apa maklumat peribadi yang dipegang oleh pihak Syarikat berkaitan dengan saya/kami. Permohonan seperti itu boleh dibuat secara menulis kepada pihak Syarikat di Data Protection Officer, Progressive Insurance Bhd, Level 6,9 dan 10, Menara BGI Plaza Berjaya, 12, Jalan Imbi, 55100 Kuala Lumpur atau menelefon: 603 2118 8000, fax: 603 2118 8103 or email : pda@progressiveinsurance.com.my
Dengan menyerahkan maklumat peribadi anda, anda menunjukkan persetujuan anda untuk membenarkan pihak Syarikat berkomunikasi dengan anda berkenaan produk terbaru, perkhidmatan dan acara-acara baru pihak Syarikat. Jika anda tidak mahu dihubungi oleh pihak Syarikat, anda boleh pilih keluar bila-bila masa dengan menulis kepada pihak Syarikat seperti di-atas.*